

DEWAN ديوان بهاس BAHASA

MEMPERKAYA WAWASAN PEMBACA

**Linguistik Landskap
dalam Bidang
Pelancongan**

**Pelancaran
atau
Peluncuran?**

**Bahasa,
Seni dan
Keindahan**

**Bahasa Melayu
Mendepani Ledakan
Globalisasi**

f Dewan Bahasa DBP
dewanbahasedbp
JendelaDBP
#MalaysiaMembaca

BIL. 01/2025

KK 499-91325-0125
ISSN 1511-9092



01

9 771511 909069





DBP

© Hak Cipta Dewan Bahasa dan Pustaka 2025

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa-apa jua cara, sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Dewan Bahasa diterbitkan setiap bulan sejak Januari 2001. Sidang editor berhak menyunting tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat *Dewan Bahasa* atau *Dewan Bahasa dan Pustaka*.

Segala sumbangan yang dikirimkan kepada *Dewan Bahasa dan Pustaka* haruslah bebas daripada sebarang isu hak cipta atau plagiat dan penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang isu yang terkait dengannya. Karya yang dikirimkan juga sama ada disiarkan ataupun tidak, tidak akan dikembalikan. Jika karya tidak disiarkan dalam tempoh enam bulan selepas dihantar kepada editor, karya itu dianggap tidak akan disiarkan. Sidang editor tidak bertanggungjawab atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

Apabila mengirimkan sebarang tulisan, sila catat nama sebenar (di samping nama pena, jika ada), nombor kad pengenalan, alamat, nombor telefon dan nombor akaun Bank Islam Malaysia Berhad (jika ada) untuk tujuan pendaftaran dan bayaran honorarium (sekiranya berjaya diterbitkan). Tanpa maklumat ini, tulisan yang dikirim kepada kami tidak akan disiarkan. Sila nyatakan sama ada makalah yang dihantar kepada *Dewan Bahasa* juga dihantar kepada penerbit lain ataupun tidak.

KETUA PENGARAH

Dr. Haji Hazami Jahari

TIMBALAN KETUA PENGARAH (DASAR)

Haji Md. Johari Hasan

TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)

Zulfa Hamzah

PENGARAH PENERBITAN

M Azahari Edin

(azahari@dbp.gov.my)

.....

KETUA EDITOR

Dr. Rosmani Omar

(ros_omar@dbp.gov.my)

TIMBALAN KETUA EDITOR

Aninah Janang

(aninah@dbp.gov.my)

EDITOR

Siti Zubaidah Sekak

(zubaidah@dbp.gov.my)

PENOLONG EDITOR

Nurul Ameera Muhamad Jefri

(ameera@dbp.gov.my)

PENTADBIRAN

Zanariah Husali,

Wan Mohd Safuan Wan Ahmad @ Wan Hassan,

Uswatun Hasanah Mohamad Amin,

Mohamed Radzuan Mohamed Noor

.....

URUSAN LANGGANAN

Bahagian Pemasaran dan Pengedaran

Dewan Bahasa dan Pustaka,

Kompleks Dewan Bahasa dan Pustaka, Lot 1037, Jalan AU3/1,

54200 Ampang/Hulu Kelang, Selangor Darul Ehsan.

No. Telefon: 03-4101 0033 No. Faks: 03-4101 2019

E-mel: pp@dbp.gov.my

<http://www.facebook.com/DBPNiaga> | <http://niaga.dbp.my>

REKA BENTUK KULIT DAN

REKA LETAK HALAMAN

Roszaini Yussof

DICETAK OLEH

Mihas Grafik Sdn. Bhd.

No.9, Jalan SR 4/19, Taman Serdang Raya,

43300 Seri Kembangan, Selangor.

No. Telefon: 03-8942 9052, 03-8942 9053

No. Faks: 03-8942 9054

3

BICARA BAHASA

Bahasa Melayu: Identiti yang Kekal
dalam Arus Globalisasi
Siti Zubaidah Sekak

4

AGENDA BAHASA

Bahasa Melayu: Mendepani
Ledakan Globalisasi
Julaina Nopiah

8

BAHASA DAN SEJARAH

Sorotan Fraseologi dan
Struktur Wacana dalam
Hukum Kanun Melaka
(Bahagian 1)

Awang Sariyan

14

BAHASA DAN PERUNDANGAN

Kesenjangan Undang-undang dalam
Pemeriksaan Bahasa Melayu
Ramalingam Rajamanickam

20

BAHASA DAN PERBUKUAN

Kegilaan Terhadap Buku
(Bahagian 1)
Jeniri Amir

24

BAHASA DAN LINGUISTIK

Linguistik Landskap dalam
Bidang Pelancongan
Aminnudin Saimon

28

CUIT-CUIT BAHASA

Pak Kojek

30

PUISI MODEN


Bejat Aksara
Mohd Fadzly Miswan

Buku yang Lupa Kubaca
De Eka Putrakha

31

PUISI TRADISIONAL

Syair Bersaudara
Zulkifli Mohd Top



32

CAKNA BAHASA

Pelancaran atau Peluncuran?
Noorazlin Abu Bakar

36

WACANA JAWI

Bunyi Vokal dan Awalan
Munshi Jawi

39

PEPATAH BAHASA

Nurul Ameera Muhamad Jefri

40

**BAHASA DAN
PENTERJEMAHAN**

Kompetensi Penterjemah
Wan Halizawati Wan Mahmood

44

BAHASA DAN EKOLOGI

Ekologi Bahasa di Alam Melayu
Perspektif Masyarakat Timor-Leste
Toru Ueda

52

CERPEN

Terlena dalam Kamar Peradaban
Wan Muhammad Baihaqi Wan Hamat



56

BAHASA DAN FALSAFAH

Bahasa, Seni dan Keindahan
Mohd Tarmizi Hasrah

61

E-MEL BAHASA

Bahasa Melayu: Pemartabatan
Semula sebagai Bahasa Ilmu
Nurul Husni Zawawil Anwar

62

ULASAN BUKU

Sosiolinguistik: Hubungan Bahasa
dengan Masyarakatnya
Nur Amalina Badron

BAHASA MELAYU MENDEPANI LEDAKAN GLOBALISASI

Bahasa Melayu dalam sejarah sosiobudaya dan sosiopolitik yang panjang di rantau ini telah berkembang sebagai lingua franca, bukan sahaja sebagai lingua franca perdagangan, bahasa pasar, persuratan, politik dan agama, malah sebagai lingua franca ilmu merentasi sempadan etnik dan bahasa sastera. Sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Farabi, "Bahasa ialah kunci kepada pemahaman dan pemikiran, tanpa bahasa yang betul, ilmu pengetahuan tidak dapat diterjemahkan dengan jelas."

Peranan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa kesusasteraan dilihat sejak abad ke-16 dan ke-17 lagi. Bahkan sejak zaman Kerajaan Melayu-Srivijaya, bahasa Melayu dikenali sebagai bahasa Kunlun atau disebut sebagai Bahasa Melayu Kuno pada ketika itu telah digunakan sebagai bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran agama serta falsafah Buddhisme (Hassan Ahmad, 2008). Seperti peribahasa Melayu, "di mana ada kemahuan, di situ ada jalan", bahasa Melayu yang memiliki akar sejarah yang mendalam dan peranan yang luas dalam masyarakat Asia Tenggara perlu terus diperkasa dalam menghadapi cabaran zaman moden.

Bahasa dan Globalisasi

Dalam era globalisasi yang pesat, cabaran bagi bahasa ilmu tempatan, termasuklah bahasa Melayu, semakin ketara. Proses globalisasi yang melibatkan pergerakan ekonomi, teknologi, dan ilmu pengetahuan telah menyaksikan dominasi bahasa antarabangsa, khususnya bahasa Inggeris, dalam pelbagai bidang ilmu. Seperti yang dikatakan oleh Nelson Mandela (1994), "Jika anda berbicara kepada seseorang dalam bahasa yang mereka fahami, itu akan masuk ke dalam kepala mereka. Tetapi jika anda berbicara kepada mereka dalam bahasa mereka sendiri, itu akan masuk ke dalam hati mereka."

Bahasa Melayu yang merupakan bahasa kebangsaan negara Malaysia tidak terkecuali daripada menghadapi cabaran ini, terutamanya dalam konteks pendidikan, penyelidikan dan komunikasi global. Oleh itu, artikel ini akan memberikan penekanan terhadap cabaran utama bahasa ilmu dalam mengharungi gelombang globalisasi serta implikasinya terhadap masyarakat dan pendidikan tempatan.

Dominasi Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Ilmu Antarabangsa

Menurut Norliza Jamaluddin (2023), terdapat banyak karya besar dalam bidang kesusasteraan, teologi, metafizik, tasawuf dan falsafah yang ditulis dalam bahasa Melayu. Sejak itu, bahasa Melayu telah menjadi bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara, terutamanya selepas Malaysia memperoleh kemerdekaan. Bahasa Melayu seharusnya menjadi bahasa rasmi dalam sistem pendidikan kebangsaan Malaysia menurut

keputusan Jawatankuasa Pelajaran Razak 1956.

Walau bagaimanapun, dominasi bahasa Inggeris dalam bidang sains, teknologi, dan pendidikan tinggi menjadi satu cabaran terbesar bagi bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam dunia globalisasi hari ini. Menurut Abdul Mahmood (2013), bahasa Inggeris kini berfungsi sebagai lingua franca atau bahasa pengantar utama dalam banyak bidang akademik dan profesional. Kebanyakan jurnal ilmiah, buku teks, artikel penyelidikan, persidangan dan seminar antarabangsa berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Sebagai contoh, lebih 80 peratus jurnal ilmiah di dunia diterbitkan dalam bahasa Inggeris. Hal ini secara tidak langsung memberikan tekanan terhadap bahasa Melayu untuk bersaing dengan bahasa Inggeris dalam menghasilkan ilmu pengetahuan dan komunikasi ilmiah. Keadaan ini menyebabkan bahasa Melayu sukar untuk menjadi bahasa utama dalam pendidikan tinggi, terutamanya dalam bidang sains, teknologi dan perubatan. Kebanyakan universiti di Malaysia, pengajaran kursus dalam bidang tersebut menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi memastikan pelajar dapat mengakses sumber ilmiah terkini. Bagi mereka yang kurang fasih dalam bahasa Inggeris, perkara ini merupakan satu halangan besar dalam memperoleh ilmu yang diperlukan untuk berjaya dalam bidang profesional mereka.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Hussin (2003), dalam konteks pendidikan di Malaysia, penguasaan bahasa Inggeris sering dilihat sebagai satu keperluan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan serta akses terhadap pengetahuan terkini pada peringkat global.

Namun begitu, hal ini juga menimbulkan dilema terhadap status bahasa Melayu itu sendiri apabila peranannya sebagai bahasa ilmu dilihat sedang terancam. Di samping itu, tekanan untuk menguasai bahasa Inggeris turut mempengaruhi perkembangan bahasa ilmu dalam bahasa tempatan.

Apabila terlalu banyak penekanan diberikan terhadap bahasa Inggeris, hal ini akan mengurangkan motivasi untuk mengembangkan bahasa tempatan sebagai bahasa ilmu. Pengaruh ini amat ketara dalam kalangan generasi muda yang menganggap bahasa Inggeris sebagai bahasa yang lebih relevan untuk komunikasi antarabangsa dan kemajuan kerjaya. Akibatnya, perkembangan kosa kata dan istilah dalam bahasa Melayu semakin terhambat dan pelajar atau penyelidik tempatan akan lebih cenderung menggunakan bahan dalam bahasa Inggeris yang seterusnya menyumbang kepada kemerosotan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Kekurangan Bahan Rujukan dalam Bahasa Tempatan

Kekurangan bahan rujukan dalam bahasa tempatan juga merupakan cabaran bagi bahasa Melayu. Dalam beberapa bidang tertentu, khususnya sains dan teknologi, bahan rujukan dalam bahasa Melayu dilihat kurang mencukupi atau ketinggalan berbanding dengan bahan yang diterbitkan dalam bahasa Inggeris. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor, termasuklah kos dan masa yang diperlukan untuk menterjemah atau menghasilkan bahan rujukan tersebut.

Menurut Abdullah (2017), usaha untuk menterjemahkan karya penting dalam bidang sains

dan teknologi ke dalam bahasa Melayu sering terhambat oleh kekangan sumber dan keutamaan. Akibatnya, banyak pelajar dan pengajar terpaksa bergantung pada bahan rujukan dalam bahasa Inggeris yang lebih mudah diperoleh dan terkini.

Kekurangan bahan dalam bahasa tempatan ini juga memberikan kesan terhadap kemampuan bahasa tempatan untuk terus berkembang dan dipelajari dalam konteks ilmu pengetahuan. Apabila isu

Jika istilah asing diserap secara langsung tanpa penyesuaian yang sewajarnya, hal ini dapat melemahkan perkembangan bahasa tempatan sebagai bahasa ilmu.

kekurangan bahan rujukan dalam bahasa Melayu terjadi, hal ini akan mengurangkan penggunaan bahasa tersebut dalam konteks akademik dan profesional. Dalam jangka panjang, hal ini akan menyebabkan bahasa Melayu menjadi semakin terasing daripada perbendaharaan ilmu moden, dan generasi muda juga akan semakin kurang terdedah dengan istilah dan konsep ilmiah dalam bahasa mereka sendiri. Hal ini merupakan satu daripada cabaran besar demi memastikan bahasa tempatan dapat berfungsi sebagai bahasa ilmu yang kompeten dalam pelbagai bidang.

Tantangan dalam Penyesuaian Istilah Ilmiah

Penggunaan istilah semakin meningkat setelah pelaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan pada November 1969. Menurut Norliza Jamaluddin (2023), menerusi pelaksanaan dasar ini, semua institusi pendidikan tinggi seharusnya menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

Menurut Asmah Hj. Omar (2004), dasar ini telah membawa

kepada kewajipan pelbagai fakulti menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam pengajaran dan pembelajaran. Sebagai kesannya, pemindahan maklumat memerlukan istilah sasaran yang tepat. Dalam masa yang sama, bahasa Melayu telah menjadi bahasa intelektual sejak penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1970. Pada masa itu juga bahasa Melayu mula digunakan dalam bidang sains tulen. Sebanyak tiga fakulti, iaitu Fakulti Pengajian

Islam, Fakulti Sains dan Fakulti Sastera menjadi fakulti pertama yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pada ketika itu. Malah, Fakulti Perubatan dan Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu turut menyusul dengan menjadikan bahasa Melayu sebagai medium utama dalam pengajaran dan pembelajaran.

Globalisasi dilihat telah membawa cabaran dalam aspek penyesuaian istilah ilmiah. Dalam dunia yang semakin kompleks ini, istilah teknikal dan saintifik baharu kerap kali diperkenalkan dalam bahasa Inggeris. Hal ini memerlukan usaha yang berterusan untuk menterjemah dan mencipta istilah baharu dalam bahasa tempatan yang mampu menangkap makna yang tepat serta diterima secara meluas.

Menurut Awang Sariyan (2011), jika istilah asing diserap secara langsung tanpa penyesuaian yang sewajarnya, hal ini dapat melemahkan perkembangan bahasa tempatan sebagai bahasa ilmu. Terdapat risiko bahawa bahasa tempatan hanya sekadar

menjadi bahasa harian tanpa fungsi yang besar dalam dunia akademik atau profesional.

Di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) berperanan dalam mencipta istilah baharu dan menyesuaikan istilah asing ke dalam bahasa Melayu. Namun begitu, proses ini mengambil masa dan memerlukan penerimaan serta penggunaan secara meluas dalam kalangan masyarakat. Cabaran besar adalah untuk memastikan istilah yang dihasilkan ini digunakan dengan konsisten pada peringkat sekolah, universiti, dan profesional. Tanpa penerimaan yang luas, istilah ini mungkin tidak berkesan dalam meningkatkan peranan bahasa tempatan sebagai bahasa ilmu. Oleh itu, penyesuaian istilah dalam bahasa Melayu perlu dilihat sebagai proses yang berterusan dan memerlukan kerjasama semua pihak, termasuklah ahli akademik, pengamal bahasa, dan masyarakat umum.

Sikap Masyarakat terhadap Bahasa Tempatan


Sikap masyarakat terhadap bahasa tempatan turut memberikan kesan terhadap perkembangan bahasa ilmu. Globalisasi sering kali membawa nilai dan persepsi baharu apabila bahasa antarabangsa, khususnya bahasa Inggeris, dianggap sebagai bahasa yang lebih moden dan relevan. Kajian oleh Azman (2019) mendapati bahawa sikap negatif terhadap bahasa Melayu dalam bidang sains dan teknologi menjadi faktor utama yang menyukarkan bahasa ini diterima sebagai bahasa ilmu yang serius.

Dalam kalangan generasi muda terutamanya, terdapat kecenderungan untuk melihat bahasa Inggeris sebagai simbol

status dan kemajuan, sementara bahasa Melayu mungkin dianggap kurang berguna atau ketinggalan zaman dalam bidang tertentu. Sikap sedemikian memberikan cabaran besar terhadap usaha untuk mengembangkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang kompetitif. Apabila masyarakat sendiri kurang yakin terhadap kemampuan bahasa tempatan, usaha untuk memperkenalkan bahan rujukan dan kursus dalam bahasa Melayu mungkin tidak mendapat sambutan yang baik. Di sinilah pentingnya perubahan sikap apabila bahasa Melayu perlu diterima bukan sahaja sebagai bahasa kebangsaan, tetapi juga sebagai bahasa yang mampu bersaing dalam bidang ilmu-ilmu pengetahuan moden.

Persaingan dalam Dunia Digital dan Media

Dunia digital dan media turut menyumbang terhadap cabaran bagi bahasa ilmu tempatan. Pada era teknologi yang canggih, banyak platform digital dan aplikasi pembelajaran menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama. Sebagai contoh, platform pendidikan seperti Coursera dan edX menawarkan kursus dalam bahasa Inggeris, yang menjadikannya lebih mudah diakses oleh pengguna di seluruh dunia.



Fenomena ini memberikan cabaran terhadap bahasa tempatan kerana pengguna lebih cenderung untuk mendapatkan maklumat dalam bahasa Inggeris yang tersedia secara meluas dalam talian. Lebih daripada itu, kebergantungan pada teknologi digital turut mempengaruhi cara bahasa digunakan dalam kalangan generasi muda. Apabila mereka lebih terbiasa menggunakan bahasa Inggeris dalam konteks digital dan media sosial, peranan bahasa tempatan dalam dunia ilmu akan semakin terhakis. Hal ini menjadi cabaran besar untuk memastikan bahasa tempatan tidak ketinggalan dalam bidang digital dan mampu menyesuaikan diri dalam konteks pembelajaran maya yang semakin penting hari ini.

Kesimpulannya, cabaran bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam menghadapi ledakan globalisasi adalah kompleks dan memerlukan usaha berterusan daripada pelbagai pihak. Untuk memastikan bahasa tempatan kekal relevan dan berdaya saing sebagai bahasa ilmu, usaha bersepadu perlu dilakukan bagi mempromosikan penggunaan bahasa ini pada semua peringkat. Hal ini termasuklah meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya bahasa kebangsaan dalam bidang ilmu, memperkukuh penghasilan bahan rujukan dalam bahasa tempatan, serta memastikan istilah ilmiah yang sesuai dapat diwujudkan dalam bahasa Melayu. Peribahasa "tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas" sesuai untuk menggambarkan bahawa bahasa Melayu, walau dihambat ledakan globalisasi, tetap mampu kekal relevan dengan sokongan semua pihak. Dalam jangka masa panjang, dengan kerjasama erat kerajaan, institusi pendidikan dan masyarakat, bahasa Melayu akan terus berkembang sebagai bahasa ilmu yang relevan dan bermanfaat pada era moden ini.